

UniSZA ranap impian UM

Kangar: Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dari Terengganu mengecewakan Universiti Malaya (UM) untuk merangkul kejuaraan Piala Menteri Pendidikan Tinggi buat kali pertama apabila menang 4-2 menerusi penentuan sepakan penalti selepas kedua-duanya terikat 2-2 pada aksi sepenuh masa.

Aksi perlawanan akhir kejohanan edisi ketujuh itu di Stadium UITM Perlis malam kelmarin berlangsung sengit.

Selepas terikat tanpa jaringan pada babak pertama,



PASUKAN UniSZA ceria unggul Piala Menteri Pendidikan Tinggi.

UniSZA bermula garang apabila penjaring utamanya Mohd Hazazi Marzuki membuka tirai jaringan pada minit ke-50.

UM yang tertekan bagaimanapun berjaya menyama-

kan kedudukan pada minit ke-65 menerusi jaringan Muhammad Faiz Nordin.

Permainan semakin rancak dan agresif dan tiga minit berselang UniSZA kembali mendahului 2-1 hasil rem-

batan Shafie Abdul Rahman berpunca daripada pergelutan di depan pintu gol UM.

Kejuaraan sudah hampir dalam genggaman UniSZA, namun sekali lagi penyerang lincah Muhammad Faiz me-



madamkan impian UniSZA buat seketika apabila menjaringkan gol penyamaan UM bagi mengikat kedudukan 2-2 pada waktu kecederaan sekali gus memaksa perlawanan ditentukan menerusi sepakan penalti.

Penjaga gol UniSZA, Muhammad Fikri Amin Ismail

muncul wira apabila menggagalkan dua sepakan penalti UM.

Kejayaan UniSZA turut dibantu sepakan penalti yang disempurnakan Muhammad Asyraf Asri, Mohammad Robbani Daud, Muhammad Imran Hakimi Jamaludin dan Aiman Amran.